



→ JEJAK SEJARAH

MISI JEJAK LANGKASUKA



Zulkifli (berdiri, tengah) bersama Abdul Razak (duduk, dua dari kanan) ketika Misi Jejak Langkasuka.



Sungai Muda berhampiran Sungai Batu di Kedah.

Kumpulan ekspedisi menemui 'lebuhraya' purba

➔ Laluan perdagangan Timur-Barat rentas utara Tanah Melayu jimatkan masa pedagang

Oleh Wan Noor Hayati Wan Alias
wanti@bh.com.my

➔ Kuala Lumpur

Satu kumpulan ekspedisi mendakwa menemui 'laluan penarikan' iaitu laluan perdagangan sebenar Timur-Barat yang merentasi utara semenanjung Tanah Melayu pada pemerintahan Kerajaan Langkasuka tahun 2 Masehi (M) dari muara Sungai Muda berhampiran Sungai Batu, Kedah hingga ke muara Sungai Patani, Thailand.

Laluan yang merentasi semenanjung ini menjimatkan perjalanan yang amat jauh sekiranya mengelilingi Semenanjung dari Laut China Selatan dan Selat Melaka yang menghubungkan laluan perdag-

angan Timur-Barat, misalnya ke pelabuhan seperti Langkawi.

Misi jejak Langkasuka ini terdiri daripada arkitek, Zulkifli Hamzah; pereka grafik, Abdul Razak Aziz; pereka grafik, Intan Zarinah Jailani; penerbit filem, Khairul Anwar Sa'idin; adi guru ukiran kayu, Norhaiza Noordin; pelukis terkenal, Ise Noor serta pakar sejarah tempatan. Ekspedisi bermula pada Februari 2015 dan menemuinya sembilan bulan kemudian.


Panduan awal untuk menjejaki laluan ini dibuat berdasarkan peta lama Tanah Melayu yang dikongsikan Pengarah Muzium Warisan Melayu Universiti Putra Malaysia, Dr Muhammad Pauzi Abd Latif serta kajian purba relau peleburan besi pada 535 Sebelum Masehi (SM) oleh Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, Universiti Sains Malaysia, Datuk Prof Dr Mokhtar Saidin serta kumpulannya.

Elak kena samun lanun

Ini kerana besi digunakan penduduk sebagai tukaran dengan barang dagangan lain yang dibawa pedagang China menggunakan laluan berkenaan.

Zulkifli yang juga anak bekas Menteri Belia dan Sukan serta tokoh sukan negara, Allahyarham Tan Sri Hamzah Abu Samah yang mengene-

LALUAN PERDAGANGAN HUBUNG DUA PELABUHAN KEDAH DAN PATANI



- 1> Kapal dagang dari Timur pindahkan barang ke 200 sampian kecil mudik terus ke Hulu Sungai Banriang Sata
- 2> Penarikan menggunakan gajah melalui Banjaran ke Hulu Sg Muda dan Ban Sakai
- 3> Sambung kembali membawa barangan dagangan hingga ke muara Sg Merbok
- 4> Penemuan tapak arkeologi Kedah Tua di Sg Batu
- 5> Terusan rahsia antara Sg Muda dan Sg Merbok yang digelar Sungai Terus melindungi ancaman lanun
- 6> Pintu masuk barang dagangan dari barat dan pusat pertukaran barang dari timur

ngan tuai misi berkenaan berkata, penemuan laluan itu menunjukkan kemungkinan besar permulaan kewujudan kerajaan Langkasuka bermula di Tanah Melayu lebih tepat berbanding ia dikatakan di Patani, Thailand.

Beliau berkata, ia dinamakannya laluan penarikan kerana sampan yang membawa barang dagangan itu apabila sampai di hujung sungai di Banjaran Titiwangsa terpaksa ditarik oleh pedagang beratus meter menggunakan gajah untuk dibawa ke sungai di sebaliknya banjaran berkenaan.

"Barang itu mulanya dibawa pedagang China menerusi hubungan diplomatik, tiba di Patani, dengan kapal besar sebelum dipindahkan kepada 200 sampian yang dikemudikan rakyat tempatan dan menyelusuri laluan rahsia itu bagi mengelak barangan dagangan disamun lanun jika melalui laut serta menjimatkan masa perjalanannya.

"Sepanjang perjalanan barang ditukar secara sistem barter antara penduduk dan pedagang China. Bagaimanapun pedagang lebih bernilai minat kepingsan besi hitam yang dikatakan paling berkualiti di dunia. Ibarat mata wang sekeping besi bersamaan 12 biji kelapa nilainya.

"Dalam erti kata lain, sungai ibarat lebuhraya dan kesan tapak rumah menghadap sungai berban-

ding sekarang sungai di belakang rumah, selain barang dagangan ketika kerajaan Langkasuka seperti pinggan dan lain-lain masih disimpan penduduk Kedah," katanya yang sudah membukukan pengalamannya itu dengan tajuk *Jejak Langkasuka*.

Dr Muhammad Pauzi pula berkata, catatan seorang sami Buddha yang pernah datang ke Kedah Tua sebanyak dua kali iaitu 671 Masihi dan 682 Masihi yang dikenali sebagai I-Tsing atau Yi Jing daripada Dinasti Tang menceritakan orang Melayu ketika itu diangap paling tinggi kedudukannya kerana mengawal ekonomi menerusi perdagangan, menentukan siapa boleh masuk, siapa keluar dari negara ini, hidup aman damai bersama India dan China sehingga dikenali Langkasuka atau bahasa Sanskrit bermakna *Land of Happy People*.

Teknologi amat canggih

"Ada 12 lakaran orang Melayu pertama bernama Achita yang datang ke China pada 515 Masehi menemui Maharaja China bagi membayar ufti menjalankan hubungan diplomatik yang mengesahkan sudah wujud laluan perdagangan ketika itu. Achita dihantar oleh kerajaan Langkasuka.

"Kami berpendapat kerajaan

Langkasuka sudah wujud sebelum kelahiran Nabi Isa berdasarkan lukisan peta kerajaan itu oleh penjelajah dan ahli geografi Yunani bernama Cladius Ptolemy pada tahun ke-2 Masihi yang menamakan semenanjung Tanah Melayu sebagai *Golden Chersones* atau Semenanjung Emas," katanya.

Sementara itu, Dr Mokhtar menerusi penyelidikannya mendapati teknologi Melayu dalam pembuat relau peleburan besi amat canggih dengan kemampuan melebur beribu darjah celsius dan satu keping besi boleh membuat sebilah parang.

Katanya, ujian karbon menunjukkan usia relau yang ditemui di Kedah lebih tua berbanding relau yang ditemui di Perancis dan Taiwan, malah lebih tua dari kuil Angkor Wat pada 9 Masihi di Kemboja dan kuil Borobudur di Indonesia 12 Masihi.

"Pelbagai persoalan timbul betapa hebatnya pemikiran Melayu ketika itu yang mampu mencipta relau berteknologi dengan keadaan Melayu dikatakan hanya memakai sehelai kain sahaja menutup badan. "Penemuan relau dan laluan yang lebih tua usianya itu antara bukti yang menunjukkan kerajaan Langkasuka bermula di Tanah Melayu lebih awal berbanding di Patani," katanya.

→ JEJAK SEJARAH

Ribut luar biasa ketika misi berakhir



Zulkifli Hamzah, Ketua Ekspedisi Jejak Langkasuka

Penemuan laluan itu menunjukkan kemungkinan besar permulaan kewujudan kerajaan Langkasuka bermula di Tanah Melayu"

Zulkifli Hamzah, Ketua Ekspedisi Jejak Langkasuka



Abdul Razak Aziz, Penyelaras Misi Jejak Langkasuka

Kami yakin ia adalah laluan penarikan yang pernah tertulis dalam catatan sejarah seperti manuskrip lama I-Tsing"

Abdul Razak Aziz, Penyelaras Misi Jejak Langkasuka




Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM

Melayu ketika itu menguasai ekonomi dari Timur ke Barat dunia"

Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, Pengarah Muzium Warisan Melayu UPM



PETA LAMA LALUAN SUTERA TANAH MELAYU KERAJAAN LANGKASUKA



Serpihan seramik atau pasu tanah liat ditemui di Sg Muda dipercayai digunakan pada era kerajaan purba Langkasuka.

Kuala Lumpur: Digidit ratusan pacat dan tiga jam bergelut ketika ribut kuat disusuli hujan lebat dalam hutan antara cabaran misi terakhir tujuh pengembaraan dalam tempoh sembilan bulan menyertai ekspedisi jejak laluan penarikan perdagangan Timur-Barat Kerajaan Langkasuka.

Demikian kisah yang dikongsi Abdul Razak Aziz sebagai penyelaras ekspedisi yang ditugaskan menjejaki lokasi untuk penempatan sementara, pencarian maklumat dan petunjuk.

Menceritakan lanjut pengalaman itu, beliau berkata, kesan ribut hujan luar biasa di hutan itu, beliau demam dan diserang hipotermia selama dua jam.

Hadapi cuaca buruk

"Cuaca buruk itu dihadapi sejurus lokasi laluan penarikan di hujung sempadan Malaysia-Thailand. Akibat kesejukan melampau, saya rebah menggigil dan terpaksa dibogelkan daripada pakaian basah sebelum dililit seluruh badan dengan tiga foil plastik kecemasan oleh Khairul Anuar dan isterinya, Intan Zarinah," katanya kepada BH, pengalaman kumpulannya turut dipertontonkan kepada orang ramai di Galeri Langkasuka, Oasis Village bermula hari ini.

Beliau yang pernah mendokumentasikan serta membantu penerbitan buku misi mencari serta ekskavasi tinggalan purba kapal karam di Laut China Selatan dan Selat Melaka bersama Jabatan Muzium dan Antikuiti (kini Jabatan Muzium Malaysia) antara 2001 hingga 2007, mengakui ekspedisi jejak Langkasuka lebih mencabar.

Tambah beliau, pengumpulan maklumat untuk menjejaki laluan penarikan ini mengambil masa

enam bulan menerusi pelbagai sumber selain pakar sejarah universiti tempatan dan luar negara.

"Bagaimanapun apa yang menarik, sumber sejarah lisan penduduk kampung, baik dari Kuala Sungai Muda, Kedah sampailah ke muara Sungai Patani, Thailand dan beberapa petunjuk luar biasa menggunakan cara luar biasa banyak membantu pencarian kami.

Laluan penarikan

"Kumpulan saya percaya laluan penarikan terletak di Sungai Batu kerana jarak penghujung sungai dengan sungai satu lagi yang terpisah oleh banjaran gunung, mempunyai saiz lebar yang sama.

"Berdasarkan semua maklumat dan teori yang diperoleh daripada universiti tempatan dan universiti Thailand serta beberapa pakar sejarah di Beijing, kami yakin ia adalah laluan penarikan yang pernah tertulis dalam catatan sejarah seperti manuskrip lama I-Tsing," katanya.

Beliau menjelaskan, kumpulannya amat meminati pencarian fakta sebenar sejarah, khususnya yang ditutup, tidak diceritakan umum, yang 'hilang' kerana bahannya dibawa keluar penjajah atau dihapuskan.

"Objektif kami ialah melihat apa yang boleh dipelajari mengenai laluan perdagangan ini bermula dari pantai pinggir Gunung Jerai yang dikatakan mula tapak pertabalan raja-raja Melayu terdahulu, merentasi hutan negeri Kedah dan berakhir di pelabuhan pantai Patani, Thailand.

"Kami bercadang mengadakan satu persidangan mengenai sejarah yang tidak didedahkan pada Oktober ini dan menjemput semua pencinta sejarah untuk hadir," katanya



Bangkai sampan ditemui penduduk di Wat Botol, Sik Kedah dipercayai digunakan kerajaan purba Langkasuka.